

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN
BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 [KHAMIS]

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan PBT memantau pekerja-pekerja pemungut sampah yang dijangkiti COVID-19 kerana ada kawasan yang sampahnya tidak dikutip selama berhari-hari kerana ramai pekerja pemungut sampah dan pemandu lori sampah dijangkiti COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sentiasa memantau dan mengawal selia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam agar memenuhi tahap perkhidmatan dan standard yang terbaik. Dalam hal ini, pekerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam akan dipastikan telah mendapat vaksinasi sepenuhnya. Sekiranya berlaku kes jangkitan COVID-19 ke atas pekerja, pihak syarikat pemungutan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilantik akan memastikan bahawa pelan operasi perkhidmatan bagi penggantian pekerja akan dilaksanakan agar penyampaian perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini lebih sistematik dan berkesan.

KPKT melalui SWCorp memantau dan mengawal selia perkhidmatan kutipan sampah di tujuh (7) buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis. Bagi tujuh (7) negeri yang menerima pakai Akta 672 ini, tanggungjawab kerja-kerja kutipan sampah adalah di bawah kawalan syarikat konsesi yang dilantik iaitu Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd., Syarikat SWM Environment Sdn. Bhd. dan Syarikat Environment Idaman Sdn. Bhd. dan diselia sepenuhnya oleh SWCorp.

SWCorp melalui syarikat konsesi akan memastikan setiap pekerja konsesi akan divaksinasikan sepenuhnya. Sekiranya mana-mana pekerja konsesi yang positif COVID-19 maka pihak konsesi telah menyediakan pelan tindakan bagi menggantikan pekerja yang positif COVID-19. Bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 pula, tanggungjawab menyelia pekerja-pekerja kutipan sampah akan dibuat sepenuhnya oleh PBT.

NO. SOALAN : 12

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak pengurusan kutipan sampah dan pembersihan awam di kawasan PBT bagi membendung wabak COVID-19 adalah seperti berikut:

- (i) sentiasa memberi peringatan supaya semua pekerja mematuhi arahan dan SOP dari Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (ii) memastikan pekerja-pekerja yang terkesan dikuarantin;
- (iii) melakukan aktiviti nyahkuman di kawasan depot, rumah pekerja, lori kompaktor dan tong yang terlibat;
- (iv) menjalankan saringan COVID-19 kepada pekerja;
- (v) memastikan semua pekerja yang terlibat dalam kutipan sampah dan pembersihan telah mendapat vaksinasi sepenuhnya;
- (vi) membekalkan alat ujian kendiri (*self test kit*), bahan nyahkuman (sanitizer) dan pelitup muka kepada pekerja;
- (vii) menyediakan pasukan *back up* untuk mengatasi isu pekerja positif COVID-19; dan
- (viii) memastikan pekerja memakai PPE (Personal Protective Equipment) yang lengkap dan sempurna, pelitup muka dan sarung tangan bagi aktiviti kutipan sampah dan pembersihan awam di kawasan yang berisiko.

Sekian, terima kasih.